



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI BINAAN 2
KOD KURSUS : DSB1083
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjurusan atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjurusan bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Lengkapkan carta di bawah.



(6 markah)

2. Nyatakan **empat (4)** jenis bahan dalam pembinaan dinding.

1.
2.
3.
4.





(4 markah)

3. Lakarkan jenis-jenis pintu yang berikut:

Pintu beroti berbelepas	i)
Pintu bingkai beroti berbelepas dan berembat	ii)
Pintu berpanel empat	iii)

(6 markah)

4. Nyatakan jenis larian tangga berdasarkan gambarajah berikut:

Rajah	Jenis Larian Tangga
	<p>i)</p>
	<p>ii)</p>
	<p>iii)</p>
	<p>iv)</p>

(4 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Terangkan ciri pembinaan bumbung yang berikut:
 - a) Kestabilan (2 markah)
 - b) Rintangan terhadap haba (2 markah)

2. Bumbung ganding merupakan binaan bumbung curam yang paling mudah.
 - a) Terangkan perbezaan di antara bumbung ganding terbuka dan bumbung ganding tertutup. (2 markah)
 - b) Lakarkan kedua-dua jenis bumbung ganding bagi menunjukkan perbezaan yang anda terangkan di **(a)**. (4 markah)

3. Lakarkan **dua (2)** jenis bumbung curam yang anda tahu. (4 markah)

4. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan pintu yang berikut:
 - a) Keselamatan (2 markah)
 - b) Penebat haba dan bunyi (2 markah)

5. Bezakan pintu bata berongga dan pintu rata padu dari segi binaannya. (4 markah)

6. Nyatakan **dua (2)** fungsi tingkap. (2 markah)


7. Tunjukkan perbezaan bentuk taburan sinar siang bagi dua jenis tingkap berikut:
 - a) Tingkap tinggi sempit (2 markah)
 - b) Tingkap panjang rendah (2 markah)

8. Namakan **dua (2)** jenis ibu tangga.

(2 markah)

9. Kirakan jarak ufuk jejak yang bertanda J di dalam Rajah 1 di bawah, jika ukuran naik ialah 175mm.

(4 markah)



Rajah 1

10. Lakarkan pelepar terbuka dan pelepar tertutup dalam binaan tangga. Terangkan perbezaan di antara keduanya.

(6 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a) Lakarkan rajah keratan lantai bawah padu dan labelkan **enam (6)** daripada lapisan lantai tersebut.
(5 markah)
- b) Sebuah rumah akan dibina di satu kawasan yang tanahnya agak lembap dan berisiko untuk berlakunya kelembapan pada tingkat bawah bangunan. Cadangkan jenis binaan lantai yang sesuai dan lakarkan rajah binaan lantai yang anda cadangkan tersebut.
(5 markah)

SOALAN 2

- a) Terangkan **dua (2)** ciri dalam pembinaan dinding.
(4 markah)
- b) Terangkan perbezaan di antara tembok penahan graviti dan tembok penahan separa graviti. Lakarkan rajah kedua-dua tembok penahan tersebut.
(6 markah)

SOALAN 3

- a) Senaraikan **empat (4)** faktor yang dipertimbangkan dalam pemilihan jenis bumbung bangunan.
(4 markah)
- b) Jelaskan **tiga (3)** perbezaan di antara bumbung curam dan bumbung rata dari aspek binaan, kesesuaian penggunaan dan jenis penutup bangunan yang sesuai bagi kedua-dua jenis bumbung tersebut.
(6 markah)

SOALAN 4

- a) Jelaskan **dua (2)** kelebihan menggunakan siling gantung.
(4 markah)
- b) Terangkan perbezaan cara pembinaan siling tetap dan siling gantung. Lakarkan rajah kedua-dua siling tersebut.
(6 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**